

SOALAN LAZIM BERKAITAN PERMIT TO WORK (PTW)

1. Apakah itu *Permit to Work (PTW)*

PTW adalah suatu kaedah pengurusan keselamatan untuk memastikan kerja berbahaya dilaksanakan dengan selamat dan risiko kemalangan dikawal oleh kontraktor yang diambil kerja di UPM.

2. Siapakah daripada pihak kontraktor yang perlu memohon PTW?

Penyelia atau orang yang dipertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak kerja bagi kerja – kerja tersebut.

3. Bilakah PTW ini perlu dihantar permohonan?

PTW ini perlu dihantar sekurang - kurangnya 3 hari bekerja sebelum kerja dilaksanakan.

4. Apakah maksud *Safe Work Method Statement (SWMS)* pada PTW?

SWMS adalah suatu dokumen pernyataan kaedah kerja dan kawalan risiko yang dilaksanakan ke atas aktiviti kerja tersebut

5. Apakah jenis sijil perakuan/kompetensi yang perlu disertakan dalam permohonan PTW?

Contoh sijil adalah sijil perakuan kelayakan (CF) bagi jentera/loji mengangkat, tekanan tak berapi dan dandang. Manakala sijil kompetensi melibatkan kerja – kerja yang perlu dilakukan oleh orang yang berkemahiran atau diperakui seperti pemasangan perancah, kerja di tempat tinggi, penguji gas bertauliah dan sebagainya.

6. Adakah salinan PTW perlu dipamerkan di tapak kerja?

Ya, salinan PTW yang telah diluluskan perlu dipamerkan di tapak kerja untuk pemeriksaan.

7. Berapa lamakah tempoh sah bagi PTW yang boleh diperolehi?

Tempoh sah PTW yang diluluskan adalah bergantung kepada tempoh masa kerja berbahaya tersebut dilaksanakan. Pihak kontraktor perlu memohon semula kelulusan PTW tersebut setelah tamat tempoh sah.

8. Bagaimanakah kaedah permohonan PTW?

Permohonan PTW yang diterima akan dilaksanakan penilaian kawalan risiko kerja sebelum kelulusan diberikan. Permohonan PTW boleh dihantar ke:

Stesen Latihan OSH / *OSH Training Station (OSHTraS)*
Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Universiti Putra Malaysia

9. Apakah tindakan yang akan dikenakan sekiranya pihak kontraktor tidak mematuhi arahan keselamatan seperti dinyatakan dalam PTW?

Kegagalan mematuhi arahan keselamatan dalam PTW boleh menyebabkan:

- Notis Penambahbaikan / Pemberhentian Kerja dikenakan
- Kelulusan PTW ditamatkan serta merta
- Penilaian semula prestasi kontraktor dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan

10. Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk permohonan PTW?

Tiada bayaran dikenakan kepada kontraktor bagi proses permohonan PTW.